

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PEMAKLUMAN MENGENAI PENARIKAN BUKU RANCANGAN TEMPATAN PETALING JAYA 2 (RTPJ 2).**

Ketika Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang telah diadakan pada 22 Mei 2012, Encik Derek Fernandez Ahli Majlis dan Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman yang mempengerusikan Mesyuarat tersebut telah meminta supaya satu laporan penuh mengenai kelainan 2 buku RTPJ terbitan JPBP dan MBPJ. Laporan tersebut hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat OSC yang akan datang. Ini bermakna pihak Majlis telah terlebih dahulu menyedari tentang kelainan kedua-dua buku tersebut. Sehubungan dengan itu mesyuarat memutuskan supaya satu semakan berkaitan piawaian Perancangan di dalam buku RTPJ2.

Selepas semakan dibuat, didapati terdapat perbezaan diantara buku RTPJ 2 yang dicetak oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri semasa Pewartaan dengan buku yang dicetak semula oleh MBPJ. Perbezaan ini berlaku disebabkan Gambarajah Utama oleh JPBD adalah berdasarkan Pelan Asas Rancangan Tempatan Daerah Petaling (RTDP) pada tahun 2003 dan MBPJ menggunakan Pelan GIS yang sentiasa dikemaskini. Kesilapan teknikal berlaku apabila Gambarajah Utama yang di cetak oleh MBPJ dengan Syarikat Percetakan yang berbeza menggunakan Pelan Asas GIS Lapisan Syarat Nyata Tanah dan Kemudahan Infrastruktur terkini serta Polisi dan Dasar Majlis yang dikemaskini.

Untuk mengelakkan kekeliruan dengan kewujudan 2 laporan, Majlis akan mengimbas semula (scan) buku yang dicetak oleh JPBD semasa Pewartaan bagi memastikan tiada kesilapan teknikal berlaku lagi. Majlis akan menarik balik 50 naskah buku RTPJ 2 yang telah diedarkan sebelum ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 29 Mei 2012

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)